

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)31

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

31. Adakah Kerajaan Negeri membuat pelaburan dalam mana-mana pasaran saham (stock market)? Sekiranya ya, nyatakan.
- (a) Berapakah saham Kerajaan Negeri yang dilabur setakat ini dan keuntungannya?
 - (b) Siapakah yang bertanggungjawab membuat keputusan untuk membeli dan menjual saham tersebut?
 - (c) Siapakah Lembaga Pengarah dan apakah elaun dan keistimewaan lain yang diterima oleh mereka?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

31. (a) Pelaburan Kerajaan Negeri dalam pasaran saham adalah melalui pegangan saham dalam tujuh (7) syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Syarikat-syarikat tersebut adalah Petronas Dagangan Bhd., Tenaga Nasional Bhd., Telekom Malaysia Bhd., Axiata Bhd., Malaysia Airport Holdings Bhd., PBA Holdings Bhd dan Maxis Bhd.

Nilai kos saham-saham tersebut berjumlah RM233,964,073.19 manakala nilai pasaran saham-saham tersebut di Bursa Malaysia pada 10 November 2021 bagi saham-saham Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM297,778,101.64. Sekiranya saham-saham tersebut dijual mengikut harga pasaran, Kerajaan Negeri akan memperoleh keuntungan sebanyak RM63,814,028.45.

Di samping itu, Kerajaan Negeri turut memperolehi pulangan dividen ke atas saham-saham yang dipegang. Bagi tahun 2021 (untuk tempoh sehingga 10 November 2021), Kerajaan Negeri telah memperolehi pulangan dividen berjumlah RM8,682,075.52.

- (b) Kesemua saham ini dimiliki oleh Kerajaan Negeri melalui belian ke atas tawaran langganan terbitan awal (IPO) dengan harga saham ditetapkan oleh syarikat yang membuat penyenaiaan di Bursa Malaysia.

Bagi saham Maxis yang dipegang oleh Kerajaan Negeri, ianya adalah belian saham melalui peruntukan dari Akaun

Amanah Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri Pulau Pinang. Bagi tujuan pentadbiran Akaun Amanah Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri Pulau Pinang ini, satu jawatankuasa yang disebut sebagai Lembaga Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri Pulau Pinang diwujudkan. Sebarang bentuk pelaburan yang menggunakan Akaun Amanah Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri, termasuk cadangan melabur dalam ekuiti atau saham, perlu dibentang untuk perbincangan dan keputusan Ahli Lembaga Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri (LKAPP). Begitu juga keputusan bagi pembelian atau pelupusan saham yang akan dilaksanakan, ianya berdasarkan keputusan mesyuarat LKAPP.

(c) Ahli LKAPP adalah seperti berikut:

- (i) YAB Ketua Menteri Pulau Pinang - Pengerusi
- (ii) YB Setiausaha Kerajaan Negeri - Ahli Jawatankuasa
- (iii) YB Pegawai Kewangan Negeri - Ahli Jawatankuasa

(iv) YB Penasihat Undang-undang Negeri - Ahli Jawatankuasa

(v) Seorang pegawai dari Jabatan Kewangan Negeri sebagai Setiausaha.

Ahli-ahli Lembaga Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri Pulau Pinang adalah disifatkan sebagai pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan dan tidak menerima sebarang keistimewaan tertentu. Walau bagaimanapun, mereka dibolehkan untuk dibayar elaun seperti elaun perjalanan dan elaun sara hidup, mengikut kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari masa ke semasa.